

Hati-Hati Hadiah Boleh Menjadi RASUAH



Warga MATRADE sentiasa terdedah dengan amalan penerimaan hadiah kerana sering berurusan dengan pihak luar. Walaupun ianya bertujuan untuk melahirkan rasa terima kasih, kasih sayang, persahabatan dan persaudaraan, kadangkala amalan ini membawa maksud yang sukar 'diselami' dan berbentuk insentif serta perlukan balasan.

Seperti yang telah diwar-warkan sebelum ini, MATRADE telah melaksanakan **Pekeliling Dalaman Integriti Bilangan 1 Tahun 2019: Garis Panduan Penerimaan Hadiah dan Keraian** yang bertujuan sebagai panduan/ rujukan kepada warga MATRADE berkaitan penerimaan hadiah dan keraian yang berkaitan dengan tugas/ urusan rasmi warga MATRADE.

Sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba, Unit Integriti ingin mengingatkan sekali lagi kepada warga MATRADE untuk **mematuhi pekeliling yang berkuatkuasa dan mengisyihar hadiah dan keraian yang diterima dengan mengisi borang** yang telah disediakan seperti di dalam Portal Integriti MATRADE.